

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 JANUARI 2024  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 4

Segera daftar PADU elak terlepas bantuan

# Segera daftar PADU elak terlepas bantuan

Oleh **MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN**  
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Rakyat diminta segera mendaftar maklumat diri dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU) bagi mengelakkan daripada tercalar menerima bantuan dan subsidi bersasar yang dilaksanakan kerajaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, sistem PADU adalah bagi memastikan matlamat kerajaan untuk mengagihkan bantuan benar-benar mencapai kepada golongan sasaran.

“Tidak mendaftar PADU memang tidak salah tetapi mengikut Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli mereka berisiko tercalar daripada bantuan kerajaan dan rasionalisasi subsidi termasuk subsidi petrol,” kata beliau.

Menurut beliau, kerajaan akan menjadikan maklumat dalam sistem tersebut untuk



**MOHD. UZIR MAHIDIN**

menentukan siapa yang layak diberi bantuan dan subsidi.

Justeru, kata beliau, jika rakyat tidak mendaftar dengan PADU, kerajaan tidak boleh menentukan taraf ekonomi mereka, seterusnya mengakibatkan nama mereka mungkin tiada dalam senarai penerima yang layak.

“Kerajaan sedang menggunakan semua pendekatan untuk menerangkan kepada rakyat

berkenaan sistem itu selain memberi jaminan tidak berlaku isu kebocoran data peribadi,” katanya ketika dihubungi semalam.

Dalam pada itu, beliau menafikan sistem PADU terlalu rumit sehingga orang ramai tidak berminat mendaftar.

“Sistem ini adalah untuk kegunaan jangka masa panjang. Setakat ini PADU tiada masalah. Ia hanya memerlukan kita mengisi maklumat yang diperlukan.

“Kalau isi maklumat seperti latar belakang, alamat, status perkahwinan ia tidaklah dilihat sebagai perkara yang sukar. Hanya melibatkan profil sahaja,” katanya.

Semalam, Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA) berkata, terdapat stigma menebal dalam kalangan rakyat terhadap PADU antaranya melibatkan keselamatan data pengguna dan ketidaktahaman mereka berhubung keperluan mendaftar ke dalam sistem itu.